



Menteri Sumber Manusia

KENYATAAN MEDIA

AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2020 AKAN DIKUAT KUASAKAN PADA 1 JANUARI 2021

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] dan semua pindaan ini **akan dikuat kuasakan pada 1 Januari 2021** **KECUALI** peruntukan-peruntukan berhubung hak berunding tunggal, penentuan kekuatan keahlian kesatuan sekerja, pemeriksaan isu kelayakan, halangan untuk kesatuan lain membuat tuntutan pengiktirafan apabila sesebuah kesatuan sekerja telah memperoleh pengiktirafan, rujukan ke Mahkamah Perusahaan bagi kes yang melibatkan perjanjian kolektif dan pengecilan Senarai Perkhidmatan Perlu, yang akan dikuatkuasakan selepas pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) diluluskan oleh Parlimen kelak.
2. Pindaan-pindaan **utama** Akta 177 yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 adalah berkaitan representasi pemulihan kerja dengan kuasa Menteri untuk merujuk kes ke Mahkamah Perusahaan dimansuhkan dan digantikan dengan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan; kuasa budi bicara merujuk kes ke Mahkamah Perusahaan juga dimansuhkan bagi membolehkan pekerja mendapat keadilan dan hak untuk didengar di Mahkamah Perusahaan tanpa sebarang proses tapisan; perwakilan semasa rundingan damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan dibuka kepada mana-mana orang (kecuali peguam) dan pemakaian peruntukan representasi pemulihan kerja (seksyen 20) boleh dipanjangkan kepada pekerja-pekerja badan berkanun melalui perintah Menteri Sumber Manusia, selepas konsultasi dengan badan berkanun tersebut.
3. Selain itu, mulai 1 Januari 2021, selain prosedur berkaitan kenaikan pangkat, kesatuan sekerja juga boleh merundingkan secara umum isu-isu berkaitan dengan

pertukaran, pengambilan pekerja, penamatan perkhidmatan akibat lebihan tenaga kerja, pembuangan kerja dan pemulihan kerja serta agihan tugas. Hukuman penjara bagi kesalahan piket dan mogok yang tidak sah juga dimansuhkan selaras dengan standard perburuhan antarabangsa.

4. Dengan pindaan ini juga, Mahkamah Perusahaan boleh meneruskan prosiding apabila pekerja meninggal dunia dan memerintahkan bayaran gaji ke belakang atau bayaran pampasan sebagai ganti kepada pemulihan kerja atau kedua-duanya yang diawardkan kepada waris terdekat pekerja yang meninggal dunia; Mahkamah Perusahaan juga boleh menurunkan award tanpa terikat kepada sekatan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua sekiranya pembuangan kerja itu disebabkan oleh perlanggaran terhadap hak kebebasan berkesatuan; Mahkamah Perusahaan akan mengenakan faedah ke atas award pada kadar lapan peratus setahun, atau kadar yang lebih rendah. Dalam pada itu, pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan award Mahkamah Perusahaan boleh mengemukakan rayuan terus ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari selepas award diterima.
5. Kementerian berharap dengan kuat kuasanya pindaan Akta 177 ini, nasib golongan pekerja di negara ini lebih terbela sekaligus dapat meningkatkan imej negara di persada antarabangsa. Memandangkan hebahan kepada umum mengenai pindaan ini tidak dapat diadakan secara bersemuka kerana pandemik COVID-19, Kementerian akan memuatnaik penerangan mengenai peruntukan-peruntukan Pindaan Akta 177 yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 ke laman web KSM dan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia dalam masa terdekat.

**DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA**

24 DISEMBER 2020